

SIARAN AKHBAR

PENGGUNAAN LOGO CIDB TANPA KEBENARAN: TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL

Kuala Lumpur, 21 Februari: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini memberi peringatan bahawa tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak yang menggunakan logo CIDB tanpa kebenaran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan mereka.

Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata penggunaan logo CIDB tanpa kebenaran itu mengelirukan orang awam dengan memberi gambaran syarikat tersebut menjalankan perniagaan bagi pihak CIDB.

"Hanya anak syarikat CIDB sahaja yang dibenarkan menggunakan logo CIDB. Organisasi lain yang ingin menggunakan logo CIDB perlu memohon kebenaran melalui surat atau emel yang disalurkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat CIDB," katanya.

Justeru itu, orang ramai diminta supaya jangan terpedaya dengan ejen-ejen pendaftaran, mahupun syarikat-syarikat pembinaan yang giat menawarkan perkhidmatan mereka di media sosial dengan menggunakan logo CIDB. CIDB tidak pernah melantik mana-mana ejen untuk melaksanakan urusan pendaftaran kontraktor bagi pihak CIDB. Kesemua ejen tersebut menawarkan perkhidmatan mereka tanpa melibatkan CIDB.

Oleh itu, CIDB menggesa para kontraktor berurusan terus dengan CIDB untuk urusan permohonan atau pembaharuan lesen bagi mengelakkan caj tambahan yang dikenakan oleh orang tengah.

Melalui sistem pendaftaran '*online*' atau *Centralised Information Management System* (CIMS), yang diperkenalkan sejak Julai 2017, semua proses pendaftaran boleh dibuat sendiri secara '*online*'. Jika pelanggan memerlukan bantuan, mereka boleh berurusan terus dengan Pejabat dan Cawangan CIDB di seluruh negara. Sekiranya semua

dokumen yang disertakan adalah lengkap, proses permohonan dapat diselesaikan dalam masa dua hari bekerja sahaja.

Bagi memastikan maklumat dan dokumen yang dihantar secara dalam talian atau 'online' itu adalah asli, CIDB akan melaksanakan audit kepada permohonan yang diterima. Seandainya proses audit tersebut mendapati dokumen yang disertakan sewaktu permohonan adalah palsu, maka sijil perakuan pendaftaran kontraktor akan ditarik balik dan nama syarikat serta ahli lembaga pengarahnya akan disenarai hitam.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
